Unit Komunikasi Korporat

KERATAN AKHBAR

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| AKHBAR | : | HARIAN METRO | | | |
| TARIKH | : | 5/11/2019 | MUKA SURAT | : | 21 |
| JABATAN | : | PERHILITAN | | | |
| KLASIFIKASI | : | **PERHATIAN** | | | |

# Dapur, tandas rumah jadi 'zoo mini'





PELBAGAI jenis ular yang disimpan dalam rumah tanpa lesen.

> "Pemilik premis yang disiasat gagal mengemukakan sebarang lesen atau permit untuk menyimpan semua hidupan liar dilindungi itu"
>
> *Jurucakap Perhilitan*

**Kuala Lumpur:** Sorok pelbagai jenis ular di dalam dapur dan tandas. Itu antara tindakan dua lelaki yang dikesan menyembunyikan pelbagai spesies ular di rumahnya di Puchong, Selangor.

Jurucakap Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara Semenanjung Malaysia (Perhilitan) berkata, tindakan suspek menyimpan haiwan liar dilindungi itu membawa padah apabila kediaman mereka diserbu pihak berkuasa jam 9.30 malam, kelmarin.

Menurutnya, pihak Perhilitan sebelum ini menerima maklumat berhubung jenayah pemilikan hidupan liar secara haram dilakukan kedua-dua suspek berusia 20-an.

"Susulan itu satu pemeriksaan mengejut dilakukan sebelum pegawai Perhilitan menemui seekor kura-kura diletakkan di dalam akuarium di bahagian dapur selain seekor kura-kura spesies *Snapping Turtle*.

"Turut ditemui ular senduk dan tiga ekor ular spesies *Burmese Python* di dalam bekas plastik di ruang sama," katanya.

Menurutnya, pemeriksaan lanjut kemudian menemui dua ekor lagi ular spesies *Burmese Pyhton* disembunyikan di dalam tandas di tingkat bawah kediaman itu.

"Pemilik premis yang disiasat gagal mengemukakan sebarang lesen atau permit untuk menyimpan semua hidupan liar dilindungi itu.

"Susulan itu semua hidupan liar itu dirampas Perhilitan sebelum laporan polis dibuat di Balai Polis Putra Perdana," katanya.

Menurutnya, suspek boleh didakwa mengikut Seksyen 61 Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 (Akta 716) yang membawa hukuman denda maksimum RM100,000 atau penjara tidak lebih lima tahun atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

"Siasatan masih dilakukan sama ada suspek terbabit dengan kegiatan menjual haiwan liar dilindungi secara haram melalui media sosial," katanya.